

# CHOGM Coolum tentukan hala

Oleh MOHD. NOR AB. SAMAD

UM 22 FEB 2002

SELEPAS Forum Ekonomi Dunia (WEF) di New York, Amerika Syarikat, tempat tercetusnya perang menentang keganasan ekoran peristiwa 11 September, tumpuan kini di Brisbane, Australia pula.

Di ibu negeri Queensland itu, akan berlangsung satu lagi pertemuan mega melibatkan pemimpin negara kaya, membangun dan termiskin daripada pelbagai latar belakang politik dan sosioekonomi di bawah nama CHOGM.

Seperti WEF yang julung kali diadakan di bumi New York; di luar Switzerland, begitu juga dengan CHOGM yang pertama kali dalam sejarahnya terpaksa ditangguhkan setahun kemudian.

CHOGM atau mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel itu sepatutnya diadakan di Brisbane, pada 6 hingga 9 Oktober tahun lalu, tetapi kesan serangan berani mati di New York dan Washington itu, menyebabkan ditangguhkan ke 2 hingga 5 Mac ini.

## FOKUS

Walaupun Australia yang pernah menjadi tuan rumah CHOGM pada 1981 di Melbourne, berkeras mahu meneruskan tradisi itu tetapi terpaksa tunduk kepada keadaan apabila 20 daripada 54 pemimpin tidak dapat hadir.

Antaranya ialah pemimpin pengasas persatuan itu, Perdana Menteri Britain, India dan Kanada.

Pakistan dan Fiji digantung keahlian kerana mencajuli Deklarasi Harare yang antaranya mewujudkan pemerintahan yang baik dan demokrasi.

Mengikut jadual, Brisbane menjadi lokasi pertemuan pemimpin lima benua itu, dan Coolum, Sunshine Coast tempat *retreat* - bersantai dan bersidang.

Bagaimanapun disebabkan aspek keselamatan ekoran kejadian 911 atau S11 di Amerika Syarikat itu,

## tuju tangani keganasan, globalisasi

— kesemua acara itu berhijrah ke Sunshine Coast kira-kira satu setengah jam berkereta dari Brisbane.

Di Sunshine Coast pula, pelbagai pertubuhan bukan kerajaan yang berjuang atas nama hak asasi manusia, anti-globalisasi, anti-CHOGM serta politik demokrasi, sudah berikrar mahu menjadikan Australia gelanggang meneruskan perjuangan mereka.

Dengan berlatar belakangkan ini, selain kemelut domestik Australia terutama membabitkan isu pencari suaka politik, menjadikan mesyuarat CHOGM alaf baru, paling menarik.

Tumpuan kini kepada isu keganasan global yang menjadi antara agenda utama persidangan kali ini, selain perkembangan ekonomi global dan menanam nilai-nilai asas politik harmoni.

Malaysia yang diwakili oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sudah tidak syak lagi akan menggunakan platform tersebut untuk menyatakan pendirian negara Islam ini berhubung isu keganasan.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr.

Mahathir Mohamad telah menjelaskan kepada dunia apa yang Malaysia takrifkan erti keganasan dan cara menanganinya dalam WEF.

Kita hendak tahu bagaimana negara kecil seperti Tuvalu, negara kaya (G8), Britain dan negara demokrasi terbesar di dunia, India melihat isu keganasan ini.

Masyarakat antarabangsa mahu melihat pendirian CHOGM dan apa yang mereka dapat lakukan untuk memerangi keganasan global.

Sesuai dengan tema sidang kemuncak Komanwel tahun ini: "Komanwel Pada Abad Ke-21: Kesenambungan dan Pembaharuan" dunia mahu melihat ke arah mana hala CHOGM.

Adakah CHOGM akan dilihat sebagai tidak relevan lagi dalam cabaran globalisasi dan liberalisasi itu atau hanya menguntungkan negara-negara tertentu?

Justru itu, cabaran pertama ialah CHOGM Coolum 2002 yang dapat menentukan peranan 54 buah negara pelbagai latar belakang politik dan sosioekonomi itu dalam menangani isu-isu semasa dunia terutamanya soal keganasan dan globalisasi.